



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNITIF PELAJAR INSTITUT  
PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM MEMBACA TEKS ARAB***

**QURRATU 'AINI BINTI BAHARUDIN**

**FBMK 2014 61**



**PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNITIF  
PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM  
DALAM MEMBACA TEKS ARAB**

**QURRATU 'AINI BINTI BAHARUDIN**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNITIF PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN  
TINGGI AWAM DALAM MEMBACA TEKS ARAB**

Oleh

**QURRATU 'AINI BINTI BAHARUDIN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.**

**Disember 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta ©Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNITIF PELAJAR INSTITUT  
PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM MEMBACA TEKS ARAB**

Oleh

**QURRATU 'AINI BINTI BAHARUDIN**

**Disember 2014**

**Pengerusi : Nik Farhan Binti Mustapaha, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Isu kelemahan pelajar dalam memahami teks bacaan berbahasa Arab sering berlaku bukan hanya kepada pelajar sekolah, malah turut melibatkan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam. Dalam hal ini, para sarjana berpendapat permasalahan ini amat berkait rapat dengan penggunaan strategi metakognitif dalam proses membaca sesuatu teks. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab, membezakan penggunaan strategi ini mengikut jantina pelajar, dan juga mengukur perbezaan penggunaannya mengikut tahun pengajian. Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 256 orang pelajar Melayu. Mereka merupakan pelajar pengkhususan bahasa Arab yang dipilih secara rawak dari empat buah universiti di Malaysia. Instrumen berbentuk soal selidik yang merangkumi tiga kategori utama metakognitif, iaitu strategi global, strategi penyelesaian masalah, dan strategi sokongan telah dibina untuk mengumpul data kajian. Selain itu, strategi metafizik turut ditambah ke dalam instrumen kajian sebagai sub kategori baharu. Data yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Packages for The Social Science* (SPSS). Hasil analisis deskriptif menunjukkan pelajar menggunakan strategi metakognitif secara keseluruhannya pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan strategi global merupakan strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar, diikuti oleh strategi sokongan. Strategi penyelesaian masalah pula berada pada kedudukan ketiga, manakala strategi metafizik mencatatkan rekod yang terendah penggunaannya. Namun begitu, penemuan baharu ini membuktikan kewujudan strategi metafizik dalam penggunaan pelajar terhadap strategi metakognitif semasa membaca teks Arab. Selain itu, ujian-t dan

ujian ANOVA memperlihatkan ketiadaan hubungan yang signifikan antara strategi metakognitif dengan jantina dan juga tahun pengajian. Hal ini bermakna tiada perbezaan dalam penggunaan strategi metakognitif walaupun jantina dan tahun pengajian para pelajar adalah berlainan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

**THE USE METACOGNITIVE STRATEGIES IN READING ARABIC TEXT  
AMONG STUDENTS OF THE PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER  
EDUCATION**

By

**QURRATU 'AINI BINTI BAHARUDIN**

**December 2014**

**Chairman : Nik Farhan Bt Mustapha, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

Students' weakness in understanding Arabic texts has been an on-going issue among pupils and the public institutions of higher education. Due to this, scholars have proposed that this issue has a thin line with metacognitive strategies used in the process of reading of one particular text. Therefore, this study was done to identify the level of metacognitive strategies used by students in reading Arabic texts, to differentiate the strategies used in accordance to students' gender and to measure the differences by following their year of study. This was a quantitative study in nature that involved 256 Malay students. There were those whom specialized in Arabic language and were chosen randomly from four universities in Malaysia. An instrument of questionnaires with three main categories of metacognitive strategies was included for data collection, particularly on global strategy, problem-solving strategy and supporting strategy. Other than that, metaphysic strategy was added to this instrument as a new subcategory. Data collected was analysed descriptively and inferentially by means of *Statistical Packages for The Social Science* (SPSS). Descriptive results showed that students used metacognitive strategies moderately. Results also showed that global strategy was the highest strategy used by the students, followed by supporting strategy. Problem-solving strategy was the third, while metaphysic strategy showed the lowest strategy used. However, this study discovered a new strategy which was metaphysic strategy in metacognitive strategies in reading Arabic texts. Apart from that, t-test and ANOVA test displayed no specific relationship between metacognitive strategies and gender and year of study. As a whole, it proved that there was no difference in metacognitive strategies even though the students' gender and year of study were different.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah S.W.T tuhan sekalian alam yang memiliki kemuliaan atas segala nikmat yang tidak terhingga banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi utusan terakhir yang membawa rahmat ke seluruh alam. Hanya kepada Allah S.W.T kesyukuran dipanjatkan atas segala anugerah dan kekuatan yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat penyelia, Dr Nik Farhan Binti Mustapha yang banyak membimbing, memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepakaran serta sokongan yang diberikan sepanjang proses pengajian ini. Jutaan terima kasih terutamanya buat Dr Che Radiah Binti Mezah atas dorongan yang diberikan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang secara tidak langsungnya terlibat di atas curahan ilmu serta nasihat yang bermanfaat.

Kepada rakan-rakan seperjuangan terima kasih, di atas sumbangan idea, bahan-bahan ilmiah dan nasihat-nasihat yang bersemangat serta bantuan kemudahan penyelidikan dan sebagainya dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga, buat mujahid dan mujahidah GRF. Semoga ukhuwah yang dijalinkan berkekalan hingga akhir hayat.

Sekalung penghargaan tulus ikhlas untuk kedua-dua ibu bapa. Buat abah, Baharudin Bin Ahmad dan juga mak, Bahiyah Binti Osman atas sokongan dan perangsang tidak ternilai. Sekalung penghargaan teristimewa buat adik-adik Mohd Hanif, Muhammad Faiz dan Munirah, yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan untuk terus menyiapkan kajian ini. Hanya Allah jualah yang membalas kebaikan anda sekalian dengan sebaik-baik pembalasan-Nya.



Akhir sekali, moga usaha dan kajian ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menjadi salah satu sumbangan ilmu dalam menjana perkembangan ilmu-ilmu lain yang wujud kepada masyarakat semua. Insy Allah.

Qurratu 'Aini Binti Baharudin

Jawi, Pulau Pinang

2014



© COPYRIGHT UPM



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera Bahasa Arab. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Farhan Binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Che Radiah Binti Mezah, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli Jawatankuasa)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Qurratu 'Aini Binti Baharudin (GS33006).

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Nik Farhan Mustapha, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Che Radiah Binti Mezah, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli Jawatankuasa)

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>		i
<b>ABSTRACT</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		v
<b>PENGESAHAN</b>		vii
<b>PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH</b>		viii
<b>PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN</b>		ix
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiv
<b>SENARAI JADUAL</b>		xv
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN</b>		xvi
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Persoalan Kajian	3
1.6	Hipotesis Kajian	3
1.7	Batasan Kajian	4
	1.7.1 Sampel Kajian	4
	1.7.2 Bidang Kajian	4
	1.7.3 Instrumen Kajian	4
1.8	Kepentingan Kajian	4
1.9	Definisi Operasional	5
	1.9.1 Strategi Metakognitif	5
	1.9.2 Strategi Global	5
	1.9.3 Strategi Penyelesaian Masalah	5
	1.9.4 Strategi Sokongan	5
	1.9.5 Strategi Metafizik	5
	1.9.6 Membaca Teks Arab	5
1.10	Kesimpulan	6

<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	7
2.2	Konsep Membaca	7
	2.2.1 Kepentingan Membaca	7
	2.2.2 Isu dalam Membaca Teks Bahasa Arab di Malaysia	8
	2.2.3 Isu Kelemahan Membaca Teks Bahasa Arab	8
	2.2.4 Isu Penggunaan Strategi dalam Bacaan Teks Bahasa Arab	9
2.3	Konsep Metakognitif	10
2.4	Strategi Metakognitif dalam Pembelajaran Bahasa	10
	2.4.1 Kepentingan Metakognitif	12
	2.4.2 Metakognitif dalam Pembacaan	12
	2.4.2.1 Strategi Metakognitif Mokhtari & Reichard (2002)	13
	i) Strategi Global	13
	ii) Strategi Penyelesaian Masalah	14
	iii) Strategi Sokongan	15
	iv) Strategi Metafizik	16
2.5	Isu Strategi Metakognitif dalam Bacaan	17
2.6	Isu Strategi Metakognitif dan Pengalaman Pembelajaran	18
2.7	Isu Strategi Metakognitif dan Jantina	19
2.8	Analisis Kritis	19
2.9	Kesimpulan	20
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
	3.2.1 Kaedah Kajian	21
	3.2.2 Populasi dan Sampel Kajian	21
	3.2.2.1 Saiz Sampel	22
	3.2.2.2 Latar Belakang Sampel	22
3.3	Kerangka Konsep	24
3.4	Instrumen Kajian	25
	3.4.1 Pembinaan Soal selidik	25
	3.4.2 Kesahan Instrumen	30
	3.4.3 Peringkat Pra-Uji	30
	3.4.4 Kebolehpercayaan Instrumen	30
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	31
	3.5.1 Prosedur Sebelum Kajian	31
	3.5.2 Prosedur Semasa Kajian	32
3.6	Peringkat Analisis Data	32
	3.6.1 Ujian Normaliti	33
3.7	Kesimpulan	34

**4****ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Tahap Penggunaan Strategi Metakognitif Pelajar dalam Membaca Teks Arab	35
4.2.1	Analisis Tahap Penggunaan Keseluruhan Strategi Metakognitif	37
4.2.2	Analisis Tahap Penggunaan Strategi Global	38
4.2.3	Analisis Tahap Penggunaan Strategi Penyelesaian Masalah	39
4.2.4	Analisis Tahap Penggunaan Strategi Sokongan	40
4.2.5	Analisis Tahap Penggunaan Strategi Metafizik	41
4.2.6	Perbincangan Analisis Tahap Penggunaan Strategi Metakognitif	42
4.3	Analisis Penggunaan Strategi Metakognitif Mengikut Jantina	43
4.3.1	Analisis Penggunaan Keseluruhan Strategi Metakognitif Mengikut Jantina	44
4.3.2	Analisis Penggunaan Strategi Global Mengikut Jantina	45
4.3.3	Analisis Penggunaan Strategi Penyelesaian Masalah Mengikut Jantina	46
4.3.4	Analisis Penggunaan Strategi Sokongan Mengikut Jantina	46
4.3.5	Analisis Penggunaan Strategi Metafizik Mengikut Jantina	47
4.3.6	Perbincangan Strategi Metakognitif Mengikut Jantina	47
4.4	Analisis Penggunaan Strategi Metakognitif Mengikut Tahun Pengajian	48
4.4.1	Analisis Deskriptif Anova Mengikut Tahun Pengajian	48
4.4.2	Analisis Ujian Anova Sehalu Bagi Keseluruhan Strategi	48
4.4.3	Perbincangan Strategi Metakognitif Mengikut Tahun Pengajian	49
4.5	Kesimpulan	49



<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN SARANAN</b>	
5.1	Pengenalan	51
5.2	Rumusan Dapatan	51
5.3	Saranan Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Bahasa Arab	52
5.5	Saranan untuk Kajian Lanjutan	53
5.6	Kesimpulan	53
	<b>RUJUKAN</b>	54
	<b>LAMPIRAN</b>	62
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	71
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	72

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Kerangka Konsep Strategi Metakognitif	24
3.2	Strategi Metafizik	24
3.3	Normal Q-Q Plot	34



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Demografi Sampel Kajian	23
3.2	Skala dan Respon bagi Tahap Strategi Metakognitif	26
3.3	Tarikh Pengumpulan Data	31
3.4	Pengkelasan Tahap Skala	33
3.5	Taburan Data Keseluruhan Strategi	33
4.1	Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Strategi Metakognitif	36
4.2	Tahap Penggunaan Keseluruhan Strategi Metakognitif	36
4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Global	37
4.4	Tahap Penggunaan Strategi Global	38
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Penyelesaian Masalah	38
4.6	Tahap Penggunaan Strategi Penyelesaian Masalah	39
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Sokongan	39
4.8	Tahap Penggunaan Strategi Sokongan	40
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Metafizik	40
4.10	Tahap Penggunaan Strategi Metafizik	41
4.11	Analisis Keseluruhan Strategi Metakognitif Mengikut Jantina	43
4.12	Analisis Strategi Global Mengikut Jantina	44
4.13	Analisis Strategi Penyelesaian Masalah Mengikut Jantina	45
4.14	Analisis Strategi Sokongan Mengikut Jantina	46
4.15	Analisis Strategi Metafizik Mengikut Jantina	46
4.16	Analisis Deskriptif Anova Mengikut Tahun Pengajian	48
4.17	Analisis Ujian Anova Sehala Bagi Keseluruhan Strategi	48

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
MARSI	<i>Metacognitive Awareness of Strategies Inventory</i>
ESL	<i>English as A Second Language</i>

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Penguasaan bahasa seseorang bergantung pada kebolehan membaca, menulis, mendengar, dan bertutur. Walau bagaimanapun antara keempat-empat kebolehan tersebut, membaca merupakan salah satu aktiviti peringkat tinggi yang sangat penting kerana ia merupakan kemahiran lanjutan berbanding tiga kemahiran yang lain (Kamaruddin & Siti Hajar, 1998).

Melalui pembacaan, seseorang itu dapat menimba ilmu secara berterusan, memperolehi pelbagai maklumat serta meluaskan pandangan, pengalaman serta pemikiran (Maqdadi & 'Asyur, 2005). Penegasan tentang kepentingan membaca telah dinyatakan dalam al-Quran, (*al-'Alaq:1-5*) :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ ۝  
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمِ ۝

Bermaksud:

*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia telah menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

(terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Surah al-'Alaq (96):597)

Selain itu, proses membaca tidak terhad pada membunyikan huruf yang dicetak, tetapi juga sebagai satu proses pemikiran yang membina (Pumfrey, 1977). Melalui pembacaan juga, beberapa kebolehan lain boleh digarap seperti kebolehan menilai, mengulas, memahami kehendak keadaan dan aspirasi apa-apa yang dibaca serta membentuk sikap dan pemikiran yang terbuka secara positif (Nurulhuda, 2012).

Dalam bidang akademik, sukar untuk seseorang meneruskan pengajian, meluaskan pengetahuan dan pemikiran, menyelesaikan masalah serta melalui proses pembelajaran yang berkesan jika mempunyai masalah dalam memahami apa yang dibaca semasa membaca, pembaca perlu sedar tentang isi kandungan teks yang dibaca kerana ia menentukan tahap pemahaman yang bakal dikuasai (Yahya, 2008). Oleh itu, proses membaca sebenarnya menuntut wujudnya hubungan yang aktif antara pembaca dengan teks bacaan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Hubungan yang aktif antara pembaca dengan bahan bacaan perlu digabung jalinkan kerana pembaca harus mengamati, memahami dan memikirkan sesuatu tentang idea yang terkandung dalam bahan yang dibaca (Goodman, 1973). Proses ini juga dianggap sebagai proses komunikasi kerana dalam perlakuan membaca, pertukaran idea antara penulis dengan pembaca turut berlaku (Moharaini, 1999).

Selain itu, kebolehan dan kemahiran mengaitkan idea dalam pembacaan juga dapat menentukan kefahaman seseorang dalam mempelajari sesuatu bahasa. Hal ini menjadi lebih penting ketika membaca teks dalam bahasa kedua atau bahasa asing yang memerlukan lebih banyak penumpuan, kerana bukanlah sesuatu yang mudah tetapi memerlukan penumpuan terhadap proses pengawalan dalam bacaan (Nurulhuda, 2012). Pelbagai tindakan dan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar ini sebenarnya dikenali sebagai strategi membaca (Oxford & Crookall, 1989).

Dalam mengkaji strategi membaca, metakognitif merupakan salah satu strategi yang mendapat perhatian para penyelidik (Flavell, 1979). Strategi ini bukan hanya menekankan aspek pembacaan melalui kefahaman kandungan teks, tetapi juga memupuk kesedaran tentang proses membaca.

Di samping itu, cara ini membolehkan pembaca memberi tumpuan terhadap proses pengawalan semasa membaca (Yahya, 2002). Menurut Costa (1998), berfikir secara metakognitif membolehkan seseorang mengawal pembacaannya, selain menambah pengetahuan dan kebolehan tentang apa yang mereka tahu dan apa yang mereka tidak tahu.

## **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian metakognitif merupakan suatu kajian keperluan untuk meningkatkan pemahaman melalui pembacaan (Flavell, 1976). Kenyataan ini menunjukkan bahawa membaca amat penting pada golongan pelajar sama ada dalam mendalami bahasa ibunda atau mempelajari bahasa kedua dan bahasa asing.

Yahya (2002) menjelaskan, pelajar yang mempunyai kemahiran metakognitif dapat dikategorikan sebagai pembaca yang mempunyai pengetahuan bahasa yang tinggi dan mampu mengawal proses pemikiran serta aktiviti pembacaannya. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara keseluruhannya terutama dalam bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Ironinya, prestasi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia menunjukkan penguasaan para pelajar lepasan IPTA didapati masih berada pada tahap lemah kerana kurang mampu membaca dalam bahasa Arab dengan baik (Ab. Halim, 2007). Ia bertepatan dengan beberapa kajian lain seperti yang dijalankan oleh Raja Mohd Fauzi et. al, (1999), Nasimah (2006) dan Norazman (2006). Selain itu, sarjana mengatakan pelajar universiti mempunyai strategi metakognitif untuk mengarah dan mengurus pembacaan mereka, tetapi mereka tidak mengamalkan aktiviti metakognitif secara strategik walaupun berkeupayaan dalam membaca (Bunning, 1994; Dolak, 2000). Malah, dipercayai bahawa kemungkinan besar para pelajar mempunyai sedikit pengetahuan strategi melalui pengetahuan dan pengalaman yang dilalui tetapi tidak tahu cara untuk menggunakannya dengan berkesan (Safiah, 1990).

Implikasi daripada situasi-situasi ini menyebabkan pelajar akan gagal memahami teks Arab jika tidak mempunyai kemampuan menggunakan strategi membaca dengan betul (Nik Farhan, 2011).

Bagi meningkatkan penguasaan membaca, pakar mencadangkan strategi metakognitif ini direalisasikan dalam bidang pembacaan (Cohen, 1998; Mohammad Haron, 1988). Hal ini sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara keseluruhannya terutama dalam bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Justeru, adalah menjadi keperluan untuk kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan yang sedia ada. Dengan mengenal pasti strategi metakognitif dalam membaca teks bahasa Arab sama ada ianya digunakan oleh pelajar secara sedar atau tidak sedar, maka didapati para pelajar akan dapat menerokai sesuatu ilmu itu di samping menyelongkar kesan serta kemampuan mereka dalam membaca.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1- Menenal pasti tahap penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab.
- 2- Membezakan penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab mengikut jantina.
- 3- Mengukur perbezaan penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab mengikut tahun pengajian.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- 1- Apakah tahap penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab?
- 2- Adakah terdapat perbezaan penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab mengikut jantina?
- 3- Adakah terdapat perbezaan penggunaan strategi metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab mengikut tahun pengajian?

#### **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1- Hipotesis 1:

H<sub>A</sub> : Terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan strategi metakognitif antara pelajar lelaki dengan perempuan.

2- Hipotesis 2:

H<sub>A</sub> : Terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan strategi metakognitif pelajar tahun satu (1), dua (2), dan tiga (3).

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian yang baik perlu mempunyai matlamat dan fokus yang jelas supaya lebih terarah dan mendalam. Oleh itu, batasan kajian ini memberi gambaran jelas tentang sampel kajian, bidang kajian, instrument, dan data yang akan digunakan dalam kajian ini seperti sub topik berikut:

### **1.7.1 Sampel Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di empat buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Seramai 256 orang pelajar dalam bidang pengkhususan bahasa Arab telah dipilih. Rasional pemilihan sampel kajian ini akan dijelaskan secara terperinci pada bab tiga dalam sub topik reka bentuk kajian.

### **1.7.2 Bidang kajian**

Strategi metakognitif yang dibincangkan dalam kajian ini hanya merangkumi empat (4) bahagian, iaitu; Strategi Global (*Global Strategies*), Strategi Penyelesaian Masalah (*Problem-Solving Strategies*) dan Strategi Sokongan (*Support Strategies*) serta strategi metafizik (*Metaphsic Strategies*).

### **1.7.3 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang merangkumi 35 item soalan bagi mendapatkan data untuk dijadikan bahan kajian yang konkrit untuk dianalisis. Hal ini bersesuaian dengan reka bentuk kajian yang akan dijelaskan dalam bab tiga berkaitan metodologi kajian kelak.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- 1- Kemampuan seseorang pelajar membaca dengan baik menjadi ukuran sama ada pelajar telah menguasai bahasa dengan baik atau sebaliknya. Strategi metakognitif ini menjadi pilihan pengkaji kerana memandangkan ia perlu dalam konteks pelajar universiti hari ini yang masih lemah dalam membaca.
- 2- Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan idea dan pengetahuan kepada guru-guru untuk mempelbagaikan gaya dan keperluan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran membaca.
- 3- Selain itu, hasil daripada kajian ini diharap dapat membantu para penyelidik dan pendidik bahasa untuk menjalankan kajian mengenai membaca, menggunakan pendekatan kualitatif dalam mendapatkan data, dan mampu dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik lain untuk menjalankan kajian yang seumpama dengan kajian pengkaji.



## **1.9 Definisi Operasional**

Kajian ini tertakluk kepada definisi yang dimaksudkan seperti berikut:

### **1.9.1 Strategi Metakognitif**

Strategi metakognitif merujuk kepada kesedaran pembaca terhadap tindakan minda, pemantauan, dan pengawalan ketika membaca (Anderson, 1991). Dalam kajian ini, strategi metakognitif yang dimaksudkan terbahagi kepada empat (4) kategori, iaitu strategi global, strategi penyelesaian masalah, strategi sokongan, serta strategi metafizik.

### **1.9.2 Strategi Global**

Strategi global lebih menjurus kepada tujuan dan perancangan dalam pembacaan teks Arab. Strategi ini lebih menekankan penetapan tujuan membaca yang jelas sebagai penentu kepada tindakan semasa membaca teks tersebut. Contohnya, apabila pembaca menyedari kefahamannya sudah terjejas, pembaca menentukan apa yang harus dibaca dengan teliti dan apa yang perlu dibaikan.

### **1.9.3 Strategi Penyelesaian Masalah**

Strategi penyelesaian masalah melibatkan bila dan bagaimana pembaca memeriksa tahap pemahaman masing-masing. Dalam strategi penyelesaian masalah, pembaca berbeza dalam melakukan aktiviti penyelesaian masalah. Contohnya, pembaca yang mengalami masalah dalam memahami teks naratif, akan mengambil tindakan dengan membuat andaian kesudahan cerita.

### **1.9.4 Strategi sokongan**

Strategi sokongan ialah kaedah atau tindakan tambahan yang dapat membantu pembaca untuk memahami teks jika merasakan perlu, contohnya dengan merujuk bahan lain, menyoal teks dan mencatat nota selain tindakan lain yang dirasakan perlu untuk mengukuhkan lagi pemahaman.

### **1.9.5 Strategi Metafizik**

Strategi Metafizik merupakan strategi berunsurkan ketauhidan dan pengakuan tentang ilahiyyat atau ketuhanan yang membolehkan pelajar menggunakannya secara berterusan dalam pembacaan teks Arab, contohnya memulakan pembacaan dengan *Bismillah* dan mengakhiri pembacaan dengan *Alhamdulillah*.

### **1.9.6 Membaca Teks Arab**

Membaca teks Arab yang dimaksudkan ini, sebarang bahan berbahasa Arab yang pernah dibaca oleh pelajar.

### **1.10 Kesimpulan**

Kajian berkaitan strategi metakognitif adalah amat penting dalam bidang pembelajaran bahasa dan harus diketengahkan. Hal ini kerana strategi metakognitif mampu memberikan gambaran tentang diri pelajar supaya lebih berdikari dalam bidang pembacaan. Ia juga boleh diajarkan kepada pelajar yang kurang berjaya dalam pembelajaran dan sekaligus dapat memantapkan penguasaan mereka dalam kemahiran membaca teks Arab. Tambahan lagi, kajian tentang strategi metakognitif dalam bahasa Arab amat kurang diberi tumpuan dan penekanan.



## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian. (1992). Bahagian Hal Ehwal Islam Perdana Menteri: Utusan Printcorp Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Al- Syu'aibi, Muhammad 'Ala'udin. (2001). *Athru Istikhdām al-Tadrīs al Tubādilī fi tanmiyyah ba'da Mahārāt al- Nāqidah Ladā Tullāb al Lughat al 'Arabiyyaḡ. 'Umān. Majallat al Bahs fi al Tarbiyah wa 'Ilm al Nafs bi al Maniya.*
- Ab. Halim Mohamad (2007). Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bacelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007 - Peningkatan Kualiti Penyelidikan Dalam Pengajian Islam.* Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Fattah, Abu Ghuddah. (2001). Nabi Muhammad: *Guru Dan Pendidik Terulung.* Negeri Sembilan: M Khairi Enterprise dan Al Azhar Media ENT.
- Abdul Hamīd, Syakir. (2008). *Al Funūn al Basyriyaḡ wa 'abqariyaḡ al Idrak.* Qāherah. Al Haia'ḡ al Masyriyaḡ al ā'maḡ lil Kitāb.
- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan Strategi Pemelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 daerah Johor Bahru.* Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alhaqbani Ahmad & Mehdi Riazi. (2012). *Metacognitive Awareness of Reading Strategy Use in Arabic as A Second Language.* Reading in a Foreign Language 24(2). Macquarie University, Australia.
- Allington, R.L. (2001). *School that Work: Where All Children Read and Write.* New York:HarperCollins.
- Anastasi, A. (1982). *Psychological Testing* (Ed. ke-5). New York: Collier MacMillan Publishing Company.
- Anderson, N. (1991). *Individual Differences In Strategy Use In Second Language Reading And Testing.* The Modern Language Journal 75: 460-472.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu.* Dissertation (M.M.L.S) Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Baker, L. & Brown, A.L. (1980). *Metacognitive Skills And Reading.* Technical Report No. 188. Cambridge, Mass, :Bolt, Beranek And Newman, Inc. Urbana: Illinois University. Centre For The Study of Reading. (ERIC Document Reproduction Service No. ED 195932).
- Black & Champion, D. J. , (1976). *Method And Issues in Social Research.* New York: John Wiley & Son.

- Brown, A.L. (1987). *Metacognition, Executive Control, Self regulation, and other more Mysterious Mechanisms*. Dalam *Metacognition, Motivation, and Understanding*, disunting oleh F. E. Weinert and R. H. Kluwe, hlmn. 65-116. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bruning, R. (1994). *The College Classroom From The Perspective of Cognitive Psychology*. Dalam Princhard, K. W. & Sawyer, L., (Pnyt.), *Handbook of College Teaching* (3-22). CT: Greenwich.
- Cairney, T. (1990). *Intertextuality Infectious Echoes from The Past*. *The reading Teacher* 43(3): 478-484.
- Cohen, A Carrol, B.J. (2000). *The Analysis of Reading Instruction: Perspectives from psychology and linguistics*. *Scientific Studies of Reading*.
- Cohen, A. D. (1998). *Strategies for Learning and Using a Second Language*. New York: Longman.
- Costa, A., & Garmston, R. Cognitive Coaching: Mediating Growth Toward Holonomy. Chapter 5, pp 52-60 In strunk J. Edwards, J., Rogers, S., & Swords, S. (1998). *The Pleasant view Eksperience*. Golden, co: Jefferson County P.S.
- Chamot, A.U. & Kupper, L. (1989). *Learning Strategies in Language Instruction*. *Foreign Language Annals*, 22 (1): 13-24.
- Charak, D. A. (2000). *Temperamental Task Persistence in The Metacognitive-Motivational Model: Effect on fifth-graders reading comprehension*. <http://wwwlib.umi.com/dissertation/fullcit>.
- Cheek, E.H. Jr., Flippo, R.F. & Lindsey, J.D., (1977). *Reading for Success in Elementary Schools*. Madlsen, W.L: Brown and Benchmark.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2008). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 3. Asas Statistik Penyelidikan. Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Daniel, J.C. & Hunter, Black. (1979). *The Standart Reading Test*. Hart-Paris.
- Dolak, G. T. (2000). *Exploring The Use of Metacognitive Strategies in College Teaching: An Instrumental Multiple Case Study*. *Dissertation Abstracts International*, 61, No. 02A, (2000): 519.

- Fatimah Idris. (1988). *Hubungan Kesedaran Metakognitif dengan Pemahaman Bacaan Teks Ekspositori di Kalangan Pelajar Tingkatan 2*. Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Flavell, J. H. (1976). *Metacognitive Aspect of Problem Solving*. Dalam *The Nature of Intelligence*, disunting oleh L. Resnick. Hisdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Flavell, J. H. (1979). *Metacognition and Cognitive Monitoring: A New Area of Cognitive-Developmental Inquiry*. *American Psychologist*, 34, 906-911.
- Flavell, J. H. (1985). *Cognitive development*, (2nd ed.). Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Feng Fang Li. (2010). *A Study of English Reading Strategies Used by Senior Middle School Student*. *Journal Asian Social Science*. Vol. 6, No. 10. School of Foreign Languages, Chongqing Yangtze Normal University.
- Garner, R. (1987). *Metacognition and Reading Comprehension*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Gourgrey, A.F. (1998). *Metacognition in Basic Skills Instruction*. *Journal of Reading* 26(20): 81-86.
- Goodman, K.S. (1976). Edisi Kedua. *Reading A Psycholinguistic Guessing Game*. Dalam *Theoretical Models and Processes of Reading* oleh H. Singer & R. B. Ruddel (Eds.) Newark, Delaware: International Reading Association.
- Goodman, K.S. (1973). *Psycholinguistic Universals of The Reading Process*. Dalam *Psycho-linguistic and Reading*, disunting oleh F. Smith. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Grabe, W. (2004). *Research on Teaching Reading*. *Annual Review of Applied Linguistics*, 24, 44-69.
- Habībullah, Muhammad. (2000). *Asas al Qirāat wa Fahm al- Ma'ru' baina al-Nazriyat wa al- Tadbiq. Al- Madkhal fi Tatwīr Mahārāt al Fahm al Tafkīr wa al- T'allum*. Umān. Al- Urdun. Dar 'Umār lil tibā'ah wa al- Nasyr.
- Hadwin, A. F., Winne, P.H., Stockley. D. B., Nesbit. J.C., & Woszczya, C, (2001). *Context Moderates Students' Self-reports about how They Study*. *Journal of Educational Psychology*, 93, 477-488.
- Isaac, S. & W.B Michael . (1981). *Handbook in Research and Evaluation*. San Diego. California: EDITS Publishers.
- Ismail, Mustafa. (2001). *Athru Istiratijiyyat Mā Wa Rā'ul Ma'rifat fi Tahsin Anmath al- Fahm al- Qarāi wal wā bimā Warāul m'arifat wa intaj al as'ilat Ladā Talāmiz al- Marhalat al 'idādiyat. Al- Mu'tamar al 'Ilm al- awwal liljam'iyat*

*al- Mişriyaṭ lilqirāaṭ wal Ma'rifat*. Daur al Qirāat fi al- Ta'lim al- Mawād al Dirāsiyyaṭ al- Mukhtalifaṭ.

Jacob, J.E. & Paris, S.G. (1987). *Childrens Metaconitive About Reading: Issue In Definition, Measurement, And Instruction*. Educational Psychologist, 22, 255-278.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1998). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan Teknik*. Cetakan ketiga. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2009). *A closer look at gender and Arabic language learning strategies use*. European Journal of Social Sciences.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2009a) *Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa*. Gema Online Journal of language Studies.

Kamarul Shukri Bin Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sek. Men. Agama*. Fakulti Pendidikan. Tesis Ph.D tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Kobayashi, M. (2002). *Method Effects on Reading Comprehension Test Performance: text organization and response format*. Language Testing.

Krejcie, R. V. & D. W. Morgan. (1970). *Determining Size for Research Activities*. Education and Psychological Measurement, 30: 607-610.

Langrehr, D. & Palmer B. C. (1999). *A Historical Perspective of Metacognition: From Abstraction. Paradigm*.

Leslie, O. (2001). *Using Think Aloud for Reading Instruction*. Reading Teacher 5(1):64-70.

Livingston, J.A.(1997). *Metacognition: An Overview*. <http://gse.buffalo.edu/fas/shuell/cep564/metacog.htm> (diakses 24 Disember 2014).

Maqdādi, Mohd Fakhri & 'Asyur, Ratib Qasim (2005). *Al Mahāraṭ Al Qira'iyā wal Kitabiyaṭ Tara'iqu Tadrisuha Wa Istiratijiyyātuhā*. 'Umān. Dar Masīraṭ.

Moharaini Yusuf. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohammad Haron (1988). *Keupayaaan Metapemahaman dalam Pembacaan dan Pendengaran di kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Ph.D tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Darabie. (2000). *The Relationship Between College-Level Jordanian Student Metacognitive Awareness Strategies And Their Reading Comprehension Achievement In English As A Foreign Language*. Dissertation Doctor of Philosophy. Faculty of The College of Education. Ohio University.
- Mokhtari, K. & Reichard, C. (2002). *Assessing Students' Metacognitive Awareness of Reading Strategies*. *Journal of Educational Psychology*, 94, 249-259.
- Mubarak Ali Raja Mohamed. (1989). *The Use of Two Pre-reading Strategies in Developing the Comprehension Ability of Selected Teacher Trainees at Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka*. Laporan Praktikum, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Muhammad Azhar Zailani (2004). Kesedaran Metakognitif Membaca di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal pendidikan*. Universiti Malaya.
- Muhammad Maqsud. (1998). *Effect Metacognition Instruction on Mathematics Achievement And Attitude Towards Mathematic of Low Achievers*. *Educational Research*. 40(2): 273-243.
- Nambiar, R. (2005). *Language Learning And Language Use Strategies For Academic Literacy: Towards A Theoretical And Pedagogical Model Of Language Learning*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nasimah Abdullah (2006). *Permasalahan dalam Pembelajaran bagi Pelajar Diploma Pengajian Islam (bahasa Arab) di KUIS dan Cara Mengatasinya*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri 5, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Farhan Mustapha. (2012). *Istiratijyyāt al-Qirāat lada Tholabaṭ al Lughat al Arabiyyat fi al Jamial Futra Mālīziyā Wa Mada Ta'siruha ala Mustawa Isti 'ābbuhum al Qirā'i*. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa.
- Nik Mohd Rahimi, (1998). *Wacana Pendidikan Islam (siri 5) 2006, Pendidikan Islam Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah*, Fakulti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Zainab Abdul Razak & Siti Norashikin Amir (2010). 'A study on student's perception of reading strategies while comprehending an academic text by UTM Students'. Diakses pada 20 Oktober 2013 daripada <http://eprints.utm.my/10736/>.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.

- Norazman Mohd Nordin. (2006). *Penguasaan Kemahiran Membaca dalam Bahasa Arab: satu kajian kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di Kusza*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurulhuda Mohd Hashim. (2012). *Aplikasi Linguistik Arab Terhadap Bacaan Waqaf dan Ibtida' dalam Al-Quran*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nurulhuda Mohamad. (2012). *Strategi Membaca Teks Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Oxford, R. (1990). *Languages learning strategies: What Every Teacher Should Know*. Rowley: Newbury House.
- Oxford, R.L & Crookall, M.E. (1989). *Language learning strategies: methods, finding, and Instructional implications*. *The Modern Language Journal* 73 (4): 404-419.
- Paris, S. G., Cross, D. R., & Lipson, M. Y. (1984). *Informed Strategies for Learning: A Program to Improve Children's Reading Awareness and Comprehension*. *Journal of Educational Psychology*, 76, 1239-1252.
- Pearson, P. D. (1985). *Changing The Face of Reading Comprehension Instruction*. *The Reading Teacher* 38: 724-738.
- Pennycook, A. (1997). Cultural alternative and autonomy. Dlm P. Benson & P. Voller (pnyt.) *Autonomy and Independence in Language Learning*, hlm. 35-53. London & New York: Longman.
- Pierson, H.D. (1996). Learner culture and learner autonomy in the Hong Kong Chinese context. Dlm, R. Pemberton, Edwart Li, Winnie Or & P. Herbert (pnyt.), *Taking Control: Autonomy in Language Learning*, hlm. 49-58. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Pumfrey, P.D. (1977). *Measuring Reading Abilities: Concepts, Sources and Applications* London: Todder and Stoughton.
- Phakiti, Aek. 2003. *A Closer Look At Gender And Strategies Use In L2 Reading. Language Learning*, 53/4, 649-702. Blackwell Publishing.
- Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish. (2008). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan 2*. *Jurnal Bangi*, 3 (3):1-7.
- Raja Mohd Fauzi Raja Musa, Mowafak Abdullah Ahmad & Mohamed Amin Embi. (1999). *The Acquisition of Arabic Reading Comprehension Skills Among Religious Secondary School Students: A Pilot Study*. *Jurnal Pendidikan*. Vol 24, 115-131.



- Rahimah Shahr. (2006). *Pembangunan Laman Web Sebagai Media Pengajaran Di Politeknik Port Dickson : Topik Garis Imbas*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ranjit, S.G. (1995). *Trinee Teacher's Metacognitive Knowledge Structures: A Case Study*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rubin, J. & Thampson, I. (1994). *How to be a more successful learner*. Boston: Heinle & Heinle.
- Sadiq, A'mal & Abu Hatib, Fuad. (1996). *'Ilm al Nafs al Tarbawi al Tabh'at al khamisat*. Qāherah. Maktabat al- Anjalū al- Misriyat.
- Safiah Osman. (1990). *Pengenalan Kemahiran Membaca*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Samsiah Abd Hamid. (2011). *Cognitive And Metacognitive Strategies In Reading Scientific Texts Among Esl Science Undergraduates*. Tesis Ph.D tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Surtridge, G. (1997). Teaching and language learning in self-access centres: Changing roles? Dlm. P. Benson & P. Voller (pnyt.) *Autonomy and Independence in Language Learning*, hlm, 66-78, London & New York: Longman.
- Sheorey, R., & Mokhtari, K. (2001). Differences in The Metacognitive Awareness of Reading Strategies Among Native and Non-Native Readers. *System*, 29, 431-449.
- Spiro, S. N. (1984). *Metacomprehension*. Urbana,IL: ERIC Clearing house on Reading and Communication Skills.
- Tan, O.S. 2004. *Cognition, Metacognition And Problem-Ased Learning*. In. Tan, O.S. Eds. *Enhancing Thinking Through Problem-Based Learning Approaches*. Singapore: Thomson.
- Tierney, R. J. (1990). *Redefining Reading Comprehension*. *Journal of Educational Leadership* 21(3): 37-42.
- Tuckman Bruce W. 1985. *Evaluating Instructional Program*. Ed. Ke-2. Boston: Allyn and Bacon.
- Thomas, L. (1984). *Readers' Metacognition and Comprehension: Are they related?* Eric Document Reproduction Service No. 252 815.
- Thomas, E. L. & Robinson H. A. (1979), *Duplication Master for Improving Reading in Every Class*. Boston: Allyn & Bacon.
- Tu'aymah, Ahmad Rusydi (2006). *Al- Mahārāt al- Lughawiyat*. Al- Kāherah. Dārul Fikr al Arabi.

- Tu'aymah, Rushdi Ahmad & Al- Syu'aibi, Muhammad 'Alau'din. (2006). *Ta'lim al qirāat wal Adab Istirātijiyat Mukhtalifaṭ lijumhur Mutannawwi'*. Al- Kāherah. Dār al Fikr.
- Walker, J. B. (2000). *Diagnostic Teaching Reading*. New Jersey: Merrill. Spring, 9-29.
- Wan Zahid. (1994). *Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur. Cahaya Pantai Publishing.
- Yahya Othman. (2002). *Strategi Metakognisi Dalam Pemahaman Membaca*. Pelita Bahasa. Jilid 14(8).
- Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*: Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman & Maszuraimah Muizz Sulaiman. (2013). Strategi Kesedaran Metakognisi Semasa Membaca Teks Moden Dan Klasik Dalam Kalangan Murid Pra universiti. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 3(1).
- Yūnūs, Fathi 'Ali. (2000). *Istiratijiyāt al- Lughat al- Arabiyyat fi Marhalat Athānawiyat*. Kaherah. Maṭba'ah al Kitāb al Hadis.
- Yusuf, Qatāmī & Nayifah, Qatāmī. (2000). *Saikologiyat al- Ta'lim al- safī*. Umān. Al- urdun. Dar al- Syarq lil Tiba'aṭ wa al- Nasyr wa al- Tauzi'
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dan Inggeris Pelajar Cemerlang Iventori Strategi Belajar-Cara-Belajar-Bahasa*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zhang, L. J. (2008). *Constructivist Pedagogy In Strategic Reading Instruction: Exploring Pathways To Learner Development In The English Os A Second Language (ESL) Classrooms*. *Instructional Journal of the Learning Sciences*, 36, 86-116.
- Zhang, L. j., & Wu, A. (2009). *Chinese Senior High School EFL Students's Metacognitive Awareness And Reading Strategy Use*. *Reading in a Foreign Language*, 21, 37-59.